

Soalan No:51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 20.3.2018 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :

- (a) satu per satu, berapa buah sekolah baru SJK(C) dan SJK (T) yang telah dibina oleh pihak Kerajaan sejak 2008 ; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang diberi untuk tujuan tersebut di atas

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 2008, sebanyak enam (6) buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) baharu telah dibina oleh pihak kerajaan melalui peruntukan khas dan telah pun beroperasi. Manakala bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), sebanyak enam (6) buah sekolah baharu yang sedang dalam proses pembinaan.
- (b) Secara keseluruhan, bagi SJKT kerajaan dan SJKT Bantuan Modal, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM501.130 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-9. Di samping itu, SJKT juga menerima peruntukan di bawah

Tabung Penyelenggaraan sebanyak RM184.492 juta dari tahun 2008 sehingga 2017 manakala Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM79.405 juta kepada tujuh (7) buah SJKC bantuan modal. Selain peruntukan pembangunan (DE), kerajaan juga telah menyalurkan sebanyak RM 509,982,872.00 kepada SJKC dari tahun 2008 sehingga 2017 di bawah Tabung Penyelenggaraan.